

# Kerajaan masih pertimbang penubuhan IPCMC

UM - 12/4/2007

KUALA LUMPUR 11 April - Kerajaan masih menimbang dengan teliti kajian penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC), kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, seperti yang telah dimaklumkan kepada Dewan Rakyat baru-baru ini, Jabatan Peguam Negara sedang mengkaji penubuhan IPCMC sedalam-dalamnya.

Kata beliau, sebarang penubuhan suru-

hanjaya seumpama itu bukan sahaja melibatkan undang-undang tetapi juga peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

"Oleh itu, kerajaan akan memberi ruang kepada Jabatan Peguam Negara untuk membuat kajian dari aspek tersebut dengan seluas-luasnya tanpa memberikan apa-apa had masa.

"Mengambil kira latar belakang yang sedemikian, kerajaan tidak akan tergesa-gesa dalam membuat keputusan," ka-

tanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Karpal Singh (DAP-Bukit Gelugor)** pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Karpal yang juga Pengerusi DAP meminta Perdana Menteri menyatakan bila kerajaan akan menubuhkan IPCMC yang telah dicadangkan oleh Suruhanjaya Penambahbaikan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Cadangan penubuhan IPCMC adalah salah satu daripada 125 cadangan Suruhanjaya Penambahbaikan dan Pengurusan PDRM yang dilancarkan tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, apa yang diutamakan oleh kerajaan ialah memastikan sebarang keputusan yang dibuat akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kemampuan pasukan polis untuk memberi perkhidmatan dengan lebih mesra, berkesan dan berintegriti.